

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
(Ministry of Education, Malaysia)
BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN KOMPETENSI
(Competency Development and Assessment Division)
BLOK 4803, SUITE 0-2, BANGUNAN CBD PERDANA
OFF PERSIARAN MULTIMEDIA
63000 CYBERJAYA
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-8317 9000 (Talian Umum)
Faks : 03-8317 9119 (Pentadbiran)
Laman web : <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KP(BPPK)SULIT 121/15 Jld. 5(15)

Tarikh :

12 Muharam 1431H
28 Disember 2009

Semua Ketua Jabatan/Bahagian
Kementerian Pelajaran Malaysia

Semua Pengarah Pelajaran Negeri
u.p: (Ketua Unit Kompetensi)

Semua Pengarah Institut Perguruan (IPG)

Semua Pengarah Kolej Matrikulasi

Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan,

**KEPUTUSAN ULANGAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK) TEMPOH
PERALIHAN BIL. 1/2009 BAGI GRED DGA34, DG44, DG48, DAN DG52**


Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah menarik perhatian
Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga Penilaian Kompetensi Kementerian
Pelajaran Malaysia (LPKKPM) bil 7/2009 yang telah bersidang pada 18 November 2009
dan telah mengesahkan keputusan Ulangan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) Tempoh
Peralihan Bil 1/2009. Ulangan PTK ini telah diadakan pada 3 hingga 17 Ogos 2009 bagi
calon-calon Gred DGA34, DG44, DG48 dan DG52. Keputusannya adalah seperti di
lampiran yang di sertakan bersama.

3. Untuk makluman Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan, keputusan calon-calon
yang bertugas di sekolah telah di hantar ke alamat sekolah masing-masing. Bersama-
sama ini dilampirkan senarai nama calon yang menduduki ulangan PTK tersebut untuk
rujukan dan tindakan selanjutnya.

4. Pihak Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan adalah diminta untuk mengambil
tindakan seperti berikut:

- i) Memastikan keputusan ini **dicatatkan ke dalam Buku Rekod
Perkhidmatan Pegawai;**
- ii) Memastikan agar calon-calon yang ingin membuat rayuan keputusan yang
diperolehi mengisi Borang Rayuan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) 1/2009
(BR-PTK-1/2009) dan mematuhi arahan-arahan yang terkandung di dalam
borang berkenaan sebelum dihantar ke Bahagian Pembangunan dan
Penilaian Kompetensi, Kementerian Pelajaran Malaysia. **Tarikh akhir
semakan semula adalah pada 11 Januari 2010.** Segala maklumat



prosedur permohonan tersebut boleh dicapai dan dimuat turun dari portal Bahagian ini di <http://apps.emoe.gov.my/bppk/>.

iii) Memastikan slip-slip tersebut diedarkan kepada calon dengan kadar segera.

5. Sekiranya terdapat sebarang masalah berhubung dengan perkara di atas, pihak Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berkenaan:

- | | | | |
|------|--|---|--------------------|
| i) | Cik Nur Diyana binti Muhammad Isror | - | 03-83179065 |
| ii) | En. Mohd Khairuddin bin Musliman | - | 03-83179061 |
| iii) | En. Shah Anwar bin Hamzah | - | 03-83179069 |

6. Perhatian dan kerjasama Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan berikan di dalam hal ini adalah sangat-sangat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH BAHASA KITA"

Saya yang menurut perintah,



(NUR DIYANA BINTI MUHAMMAD ISROR)
Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia

Salinan kepada;

1. SUB BPPK
2. TSUB (PK), BPPK
3. TSUB (P), BPPK
4. KPSU (PP)